

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9143

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja asing dengan izin dan pekerja asing tanpa izin di negara kita, serta rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Mac 2016 bagi lima (5) sektor formal yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing adalah seramai 1,993,942 orang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai anggaran tepat jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada di dalam negara. Namun begitu, kerajaan sentiasa peka terhadap senario kebanjiran PATI di Malaysia dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara.

Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu dari semua negara sumber sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih memberi peluang kepada industri untuk menggajikan pekerja asing melalui program *Rehiring*. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada Program *Rehiring* yang telah berjalan bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 30 Jun 2016. Program ini akan memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam negara untuk bekerja secara sah.